



**OOOOP TERJATUH:** Pesilat Indonesia, Siamet Latanggang, cuba menendang Abdul Latiff Tambi dari Singapura, yang sudah terjatuh dalam pertandingan acara silat kelas A, semalam. Siamet mengalahkan Latiff untuk memenangi pingat emas. — Gambar BH oleh ALBERT SIM.

31 AUG 1989

## Ketiga-tiga pesilat kita gagal rebut emas

Sheikh Alauddin dikejar ke hospital kerana terkehel

SEGALA impian pesilat Singapura untuk membuktikan kepahlawanan mereka di gelanggang Kompleks Sukan Petronas di Kajang, hanya tinggal dalam lipatan kenangan. **31 AUG 1989**

Tiga pesilat harapan — Abdul Latiff Tambi, Nazri Ibrahim dan Sheikh Alauddin Yaacob — gagal memikul cabaran tersebut. Mereka disekat lawan dan Sheikh Alauddin di kejarkan ke hospital apabila tangan kanannya terkehel.

Bagaimanapun, pertarungan Nazri, yang bentuk badannya tidak setanding dengan pesilat Malaysia, Mohamed Azam Mukhtar, perlu diberi kepujian. Bahkan ketidakseimbangan fizikalnya tidak membayangkan bahawa pertarungan berat sebelah akan terjadi.

Sebaliknya Nazri, 23 tahun, yang berat badannya 73kg dan ketinggian 1.73m telah menggugat Azam, yang mempunyai berat badan 94kg dan ketinggian 1.81 meter.

Namun demikian, apa yang dikesalkan oleh Nazri ialah apabila tiga tendangan Azam yang mengena ba-

hagian fatal, dianggap sah oleh pengadil dari Indonesia, yang memberitahu Azam bahawa ia tepat mengenai perutnya. **YUKI**

"Sungguhpun agak kesal, tetapi ia tidak mematahkan semangat saya, malah saya berusaha keras menentangnya," kata Nazri yang berjaya menjatuhkan lawannya dua kali.

Impian Singapura untuk memungut pingat emas pertama dalam pertandingan akhir acara silat menerusi Abdul Latiff Tambi dalam kelas A berkecai. Ini berikutan daripada kekalahannya di tangan Slamet Latanggang dari Indonesia.

Kekalahan Latiff itu jelas sejak diawal pusingan pertama apabila beliau menerima dua tendangan tepat dibadan dari Slamet. **SANI**

Malah kegagalan Latiff membina pertahanan yang kukuh untuk membendung serangan-serangan Slamet, dengan sendirinya memudahkan pesilat Indonesia itu memungut mata demi mata.

Latiff juga kehilangan markah yang banyak apabila dijatuhkan dua kali dalam pusingan pertama dan

sekali dalam pusingan kedua.

"Saya yakin untuk memberi saingan kepada lawan, tetapi malang, pertahanan saya tidak baik, malah saya gagal membuat serangan mahupun tendangan ke arah lawan," demikian pengakuan Latiff.

Jurulatih Singapura, Mohamed Khamin Said, mengakui bahawa Latiff gagal membuat tembok pertahanan kukuh bagi mengekang serangan pesilat Indonesia itu.

Sementara Sheikh yang turun dalam kelas I, tidak dapat meneruskan pertarungannya dengan Wayan Mudra dari Indonesia apabila beliau tercedera. **SUKAN SA**

Tangan kanannya terkehel dalam perjuangan di pusingan kedua. Sheikh terpaksa dikejarkan ke hospital untuk rawatan. Dengan itu, Singapura hanya berjaya memungut tiga pingat perak dari gelanggang Bangi.

Indonesia dan Malaysia, masing-masing berjaya menguasai acara terakhir, ini termasuk Thailand yang mengemukakan tujuh pesilat dalam pertandingan akhir.